Customers are now just a step away to access a multi-tier of services. From basic mailing solution, insurance coverage to telephone prepaid re-load, Nationwide Express offers it ALL under ONE roof. Time will no longer be wasted in searching for several vendors for different products and services. Since its introduction to the market in March 2006, Nationwide Express now offers customers a wide breadth of courier services and agency services on behalf of third parties, including products and services beyond the scope of traditional postal services.

As we strive to understand our customers' needs, we take a simple idea to enable us to build bigger and better customer relationship. Effective 1st March 2006,

Nationwide Express has been appointed as a corporate agent of Takaful Nasional Sdn Bhd (TN), and we now offer the most accessible and convenient facilities for the public to purchase or renew Motor insurance, General insurance and Personal Accident insurance.

Electronic Payment System is a fantastic new method for toll and fare payment in Malaysia. At Nationwide Express everyone can purchase Touch 'n Go card or top up reload card through our appointment as a corporate agent for the following products - Touch 'n Go reload and Touch 'n Go card sales. Through e-pay Sdn Bhd, we provide easy payment for products, such as various

will also be revamped to promote user friendly cum user responsive working atmosphere, as well as to give the best customer experience.

In line with cost management, these Operations development are being pursued on a supply driven basis in order to ensure that all our vehicles with the customers loads are given facilities and services on arrivals. In this connection, we hope to obtain the ISO 9001:2000 certification this September 2006.

Through continuous process improvement initiatives, we are also constantly innovating for new products and the



Prepaid Mobile Reload, IDD & SDD, Internet and others. A small, compact and simple to operate terminal, it provides e top-up and e-voucher services for mobile operators in a matter of seconds, without the risks and stocking issues associated with physical cards and many other product suppliers, eradicating the need for physical stock.

Most recently, we were appointed as corporate agent, and the authorised Pos Malaysia Berhad's stamp vendor, where customers may drop by our stations to purchase postage needs from us, i.e. stamps and philately items. Further discussions are underway for agency of other Pos products.

With more than 180 stations and agencies strategically located throughout Malaysia we are looking at on-going efforts to provide great customers' experience at our stations and agencies to ensure continuous satisfied repeat customers. This new concept of "One Stop Solution Centre" will provide better customer experience, as it creates convenience to our valued customers.

#### Internal Processes & Operations

Being the back-bone of the Company, the operational excellence of our internal processes and operations is a MUST! In the year under review, focus was given to enhancing and balancing the routes, in ensuring that courier and driver's productivity is fully optimized.

Rapid strides were witnessed when Nationwide Express' Corporate Office was relocated in the last financial year, leaving the Lot 6 & 7 of Jalan Utas for future operational growth, where pragmatic and pro-active Operations Centre cum hub strategies will be further implemented. The operational environment of the Operations Centre

right tools to ensure our customers' ease and convenience. Security featured products and the newly launched products such as the prepaid boxes of 5kg and 10 kg proves to be value for money!

#### Technology & Innovation

For the period under review, the company maintains its belief that Information and Communication Technology (ICT) is the key enabler in supporting the business processes. By deploying fit-for-purpose applications and the relevant equipment, ICT plays a prominent role in protecting Nationwide Express' market dominance, improving its operational efficiencies, and at the same time reducing its operating cost.

The recent implementation of Voice Over Internet Protocol (VOIP) will achieve lower telephony charges as Nationwide Express' personnel uses VOIP phones for inter-stations phone calls. The availability of the TMnet Streamyx broadband services at the stations facilitates access to the Company's website and round the clock



## MESSAGE FROM THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER



communications via e-mail and VOIP. The positive developments enabled the Company to provide up-to-date information pertaining to the delivery status and service related issues to the customers.

In August 2005, Nationwide Express launched an Internet Shipping facility at its [www.nationwide2u.com](http://www.nationwide2u.com) website. The web-based Nationwide Express Internet Shipping (NEIS) is an application, which enables customers to generate and print courier consignment note(s) using a stick-on or A4 size paper. All this is done from the comfort of their own offices or even homes!

NEIS provides facilities, which enable customers to manage their own contact and address books, generate and manage shipments and perform track and trace enquiries using a standard Internet browser such as the Internet Explorer. In addition, the Internet Shipping facility also provides useful tools such as administration and reporting on all shipments sent via Nationwide Express.

Nationwide Express will continue to invest in the "right" technology that will bring the Company closer to our customers, and accentuate our brand value as the leading industry icon.

### **REVIEW OF SUBSIDIARIES NATIONWIDE EXPRESS FREIGHT FORWARDERS SDN BHD (NEFF)**

Nationwide Express Freight Forwarders Sdn Bhd (NEFF) complements its parent company, Nationwide Express Courier Services Berhad to successfully complete the total logistics supply chain by providing trucking, brokerage & freight, forwarding and warehousing

solutions to customers. During the FY05/06, NEFF have seen a significant growth in all its activities, making its total contribution of 6% of the Group's total revenue.

### **NATIONWIDE EXPRESS METRO SDN BHD (NEM)**

Mailroom outsourcing and customized logistics are being managed by NEM, a wholly-owned subsidiary, and is also capable of handling special requests and total fulfilment as required accordingly by customers. To date, NEM provides services to industries such as the telecommunications, IT companies and expect to penetrate into other industries. For the year under review, NEM contributes approximately 4% of the total Group's revenue.

### **NATIONWIDE EXPRESS COURIER PTE LTD (NECPL)**

Since its inception in 1987 in Singapore, NECPL specializes in door-to-door express delivery services of urgent documents/packages from Malaysia to Singapore & vice versa and Singapore Domestic Same Day Local Delivery services, besides also providing our customers with Trucking Services from Singapore to Malaysia and International services.

NECPL was established to focus on providing prompt, efficient and reliable courier service with guaranteed customer satisfaction. Over the period of twenty (20) years, NECPL has built up to a total workforce of twenty eight (28).

As NECPL extends her growth as well as the ability of remaining competitive with other international and local courier players, having good logistics infrastructure and culture becomes a pre requisite for attracting new businesses and service companies into the country.

### **Corporate Responsibilities & Our Commitment to Our People**

#### **Human Capital**

People are our most important asset. Indeed, our employees are our strengths and pillars to our success and we firmly believe in enabling employee training and conducive working environment, which enhances performance. We have the responsibility of ensuring that our workforce is equipped with the requisite knowledge,



skills and attitude for delivery of optimum performance. While we recognise and encourage our employees' desire for self-improvement, all employee training is founded on clear, identified business needs and clear objectives based on job requirements. These are then pitched against performance criteria and conducted in a manner conducive to achieving organisational goals. During FYE 2005/2006, we had invested a big portion of the Company's budget on employee training. Besides providing sufficient opportunities for our people to bridge any technical competency gaps, we also help foster the forging of a strong team spirit and better interactions at all levels.

We believe in the power of people. At Nationwide Express, we believe innovation begins with the right people and the right attitude. With the right combination of individuals who share a common goal, we are able to develop products and services that are both consistent and effective right from planning to production.

Nationwide Express strives to develop dedicated workforce based on trustworthiness and excellence driven to provide efficient and excellence service. As a learning organisation, we devote our human resources and technology to create superior products and services to delight and exceed our customers' expectation.

Nationwide Express conducts training, both in-house & external training. Using the purpose-built training room; whereby an annual training calendar which is circulated through intranet and the in house bulletin. Nationwide Express also charts career plan for its employees, which is evident whereby a number of managers who climbed up the ladder from rank and file.

In an organisation of more than 1,500 employees, Human Resource Management (HRM) is a vital factor which

has been supported by implementing numerous quality concepts and approaches such as balance scorecard, benchmarking, best practices, performance management system, etc.

The management focuses on how Nationwide Express is able to motivate and enable its employees to develop and utilize their full potential in alignment with the organisations' vision and mission. The management also focuses on building and maintaining a work environment to support excellent work climate, conducive for personal and organisational growth as well as performance excellence. To this end, the management has provided all the necessary facilities such as a centralised surau at its corporate office and all stations alike, a resource centre and a purpose-built training centre at the corporate office, canteens, R&R Rooms for couriers at the hub and stations, and of course a football field to boot!

#### Kelab Sukan Dan Kebajikan Nationwide

The "Kelab Sukan dan Kebajikan Nationwide" (KSKN), which was incorporated a few years ago, is actively run by the employees together with the support of the management. The KSKN actively organises inter-branch sports tournaments and games annually. Through KSKN, the National Blood Bank has identified Nationwide Express as one of its main contributor as blood donations campaign were organised every six (6) months. Apart from that, KSKN also allocates 'disaster' funds to assist employees who had just gone through misfortune, affecting their home, family etc.

#### Security, Safety & Health

The security, safety & health of our employees and customers always come first. Security, Safety and Health Department has been formed in Nationwide Express with



contributes to the success of the Company. With good HRM in practise, employees with drive to excellence will join Nationwide Express to stay. It will also help the Company to retain high performers, to enable a consistent build up of specialist in various fields, to encourage/motivate employees to perform their best through the formation of a strong base of capable workforce will ensure competitiveness in the global score, and finally to build commitment and give empowerment to ensure the promotion of a spurring of "Healthy Competition Spirit".

Nationwide Express' commitment in HRM to excellence

an objective to create a safe and secured business environment for customer and employees alike. In line with the security objectives, efforts are being put to ensure that total security are continuously monitored to guarantee company's premises, assets, employees and customers are protected. FY 05/06 saw the enhancement of security both at HQ and regional level. Security refers not only to Nationwide Express' premises but also secured transport of shipment particularly high value shipments from point of pickup to eventual delivery to customers.

Cooperation with customers and relevant authorities has

## MESSAGE FROM THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER

resulted in less cases of pilferage and lost. This has seen a significant reduction of such incidences by almost 20%. We aim to address this issue in more stringent ways as we move into FY 06/07 and onwards. At the same time, these types of cooperation have also assisted in prevention of distribution of pirated VCDs, controlled and prohibited drugs etc.

Efforts have been put in to ensure a safe workplace in FY 05/06 and this effort will extend well into FY 06/07. Several programmes will be implemented to boost safety consciousness amongst the 1,540 'citizens' of Nationwide Express.

Therefore, Safety & Health policy has been created in Nationwide Express to ensure an action-oriented group of people in which both management and staff are represented.

### **Occupational Safety & Health (OSH) Committee**

In adhering to the Occupational Safety and Health Act (OSHA), 1974, the Company undertook to set up the Occupational Safety & Health Committee in 2004 to look into the safety and health of the Company's 1,540 employees. The Committee consists of two (2) members from the Board of Directors – one of whom is a medical practitioner, the management and staff, with a certified safety and health officer.

The health, safety and welfare of all employees are our primary concern. In line with our Safety & Health Policy, this concern is reflected in the way we design, construct and operate our operations through our standard operating procedures, programmes and job instructions.

Our priority is to ensure that every employee is provided with a safe and healthy place in which to work. We will

together through consultation and co-operation. Confidence in the safety of the workplace requires openness of communications between all levels. We recognise and support the rights of all personnel to express their concerns over safety in the workplace and expect those concerns to be addressed.

Providing a safe, healthy, accident free working environment ensures a healthier, more productive workforce and the attainment of our goal of excellence in the management of our operations.

Some of the activities which are carried out periodically are the fogging of the corporate office, other office premises, and the warehouses in our fight against dengue. OSH posters, including Handling of Dangerous Goods posters and handbook have also been disseminated to all stations. During the bad haze, masks were handed to all our drivers and couriers.

### **Community and the Environment**

We know that we are an important part of the communities we serve. By the very nature of our business, we have a responsibility to these communities across Malaysia, Singapore and Brunei.

Our environmental policy is being put in place across all of the Group's operations. The policy complies with all legal requirements and incorporates industry best practices. Our key areas are the promotion and use of bio-degradable products, the reduction of waste emissions and the efficient use of utilities.

Heavy usage of diesel is unavoidable as our fleet of vehicles consumed more than 100,000 litres of fuel during the financial year. Therefore, we are actively looking at using different catalysts to lower the rate of consumption,



make every effort in the area of safety education, accident prevention, hazard control, injury prevention and rehabilitation, health preservation and promotion to ensure the safety of the workplace and the health of our workforce with the elimination of injuries as our ultimate goal. We strongly believe that all accidents are preventable and that a "Zero Accident" target is achievable.

Health and Safety at work must be both an individual and a shared responsibility. Commitment to safety is a team commitment involving managers, supervisors, subcontractors, suppliers and employees working

thus reducing fuel consumption. At the same time, we are also actively working on reducing the harmful emission emitted into the environment. With the recent introduction of palm oil based bio-diesel, some of our vehicles will soon be on trial with this new fuel alternative.

Across Nationwide Express, we aim to dispose all waste using environmentally sympathetic means. Waste is segregated at source and is stored pending the most appropriate and effective disposal by relevant specialist contractors, e.g., oil sludge at our maintenance workshop. Another ongoing recycling programme, is the recycling of

**NATIONWIDE EXPRESS SAFETY & HEALTH POLICY**

AT NATIONWIDE EXPRESS, OUR SUCCESS DEPENDS ON OUR MOST VALUABLE ASSET - OUR PEOPLE. WE ARE FULLY COMMITTED IN ENSURING THE SAFETY OF OUR WORKPLACE AND HEALTH OF OUR WORKFORCE.

IN UPHOLDING A STANDARD OF TOTAL SAFETY AND HEALTH ENVIRONMENT, NATIONWIDE EXPRESS "DELIVERS" SUPERIOR SERVICE TO VALUED CUSTOMERS IN HANDLING ALL SHIPMENT WITH DUE CARE. INCREASE IN HEALTH, SAFETY AND QUALITY EQUALS INCREASE IN PRODUCTIVITY AND PROFITABILITY.



paper waste, where we work together with an organisation better known as 'TREES' or Treat Every Environmental Special. This programme has been ongoing since the year 2002. Our motto, "Recycle-just do it!"

**Outlook of the Industry and Challenges Ahead**

With notable exception of our rail system, Malaysia's transport infrastructure is fairly modern, efficient to a degree and definitely brimming with spare capacity. Major highways now link up most of Peninsular Malaysia, and even East Malaysia is slowly developing. The real challenge facing transport firms like us is to fully exploit the infrastructure available and to capitalise on the country's aspirations of becoming a regional hub into reality.

As a courier company licensed under the Malaysian Communication & Multimedia Commission (MCMC), competition comes from more than a hundred (100) other licensed courier companies. Over and above that, transport and haulage companies are also dabbling into the courier industry.

Nevertheless, as we have been positioning ourselves for the last couple of years to expand into other areas of logistics, such as trucking, freight forwarding, warehousing etc., we have been able to keep our competitive edge as a total logistics provider, by leveraging on our network and infrastructure strengths.

The inevitability of globalisation and liberalisation of the transport and logistics industry, will also pose a challenge as well as an opportunity for us to realise our vision in expanding our spread into regional markets. We will take up the challenge and soldier on.

**Rozilawati Haji Basir**  
Chief Executive Officer



Dalam tahun yang diulas, ekonomi Malaysia hanya berkembang sebanyak 5.3% pada tahun 2005, berbanding 7.1% pada tahun 2004. Kami menjangka ekonomi dalam negara kekal aktif sekurang-kurangnya untuk dua suku pertama tahun ini, dengan kemajuan ekonomi tahun demi tahun menonjol dalam keputusan setengah tahun yang akhir. Kami percaya asas untuk ekonomi domestik akan meningkat jika ekonomi negara pulih, termasuk situasi sokongan dalam institusi kewangan dan peningkatan dalam keyakinan pelanggan.

Oleh yang demikian, pasukan operasi kami akan memberi lebih fokus untuk memperbesarkan rangkaian kami agar dapat mengadaptasi ke arah situasi ekonomi semasa – dengan mempelbagaikan perkhidmatan kami serta menambah pengalaman pelanggan, dan meletakkan Nationwide Express untuk merangkul semua peluang dari kepulihan ekonomi. Kami terus percaya bahawa kami telah memposisikan diri kami untuk pertumbuhan jangka panjang pabila ekonomi, khususnya dalam sektor pembuatan, pemborongan serta peruncitan, pulih dan mengalami pertumbuhan yang berpanjangan.

Kami juga telah menyelaras berbagai proses untuk membolehkan kami menghadapi dunia yang semakin mencabar. Dengan menukar cabaran menjadi manfaat, kami telah merangka satu pelan strategi yang baru berdasarkan tiga (3) prinsip berikut:

**Untuk menjadi akses setempat bagi pelanggan,** kami menggabungkan Nationwide Express sebagai satu Pusat Setempat Kurier & Logistik menggabungkan perkhidmatan logistik yang sepenuhnya seperti penghantaran cepat tempatan dan antarabangsa, penghantaran menggunakan trak, penghantaran udara, penghantaran secara pukal, pergudangan dan lain-lain. Melalui Nationwide Express, para pelanggan kini boleh dengan satu sentuhan disambung dengan pelbagai rangkaian perkhidmatan Nationwide Express – satu jurujual, satu laman web, satu platform automasi pelanggan dan dalam waktu yang terdekat akan ada satu talian perkhidmatan pelanggan bebas tol.

**Untuk memperteguhkan keunggulan jenama Nationwide Express,** kami telah mengembangkan dan memperbaiki posisi jenama Nationwide Express untuk merangkumi kesemua syarikat operasi termasuklah Nationwide Express Courier Services Berhad (NECSB), Nationwide Express Freight Forwarders Sdn Bhd (NEFF),

Nationwide Express Courier Pte Ltd (NECPL) dan Nationwide Express Metro Sdn Bhd (NEM). Kesemuanya di bawah satu jenama Nationwide Express.

**Untuk memberi pengaruh yang penting dalam perbezaan yang kompetitif,** kami memperkuahkan falsafah perniagaan kami untuk setiap syarikat yang beroperasi secara individu – untuk beroperasi secara bebas namun bersaing secara kolektif. Secara individu, setiap syarikat bebas untuk fokus kepada keperluan berbeza mengikut keperluan pasaran, tanpa menjadikan rangkaian atau perkhidmatannya. Secara kolektif, keseluruhan keluarga Nationwide Express bekerjasama untuk jual-silang perkhidmatan dan merekabentuk segala penyelesaian untuk pelanggan.

Pada keseluruhannya, pelan strategik kami berfaedah bukan sahaja kepada pelanggan malah kepada syarikat. Pelanggan mendapat faedah dari pusat jualan setempat yang selesa dan menawarkan pelbagai rangkaian perkhidmatan kurier Nationwide Express, perkhidmatan trak, logistik dan penyelesaian e-dagang. Semua akan mendapat keuntungan dari segala peluang strategik yang ketara untuk pertumbuhan menguntungkan yang berterusan. Dalam masa yang sama, lebih daripada 1,540 orang warga kerja dan kontraktor Nationwide Express akan mendapat faedah daripada bertambahnya peluang di syarikat yang dianggap sebagai antara syarikat yang hebat untuk mencari rezeki.

#### Prestasi Kewangan

Untuk tahun kewangan 2005/2006, Nationwide Express telah mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM6.4 juta dan keuntungan bersih sebanyak RM4.0 juta dibandingkan RM8.4 juta dan RM6.5 juta di tahun sebelumnya. Ini berdasarkan pendapatan RM72.7 juta dalam tahun kewangan ini berbanding RM69.5 juta dalam tahun sebelumnya.

Perkhidmatan ekspres domestik adalah perniagaan utama Nationwide Express yang menyumbang kira-kira 80% daripada jumlah pendapatan Nationwide Express. Lain-lain pendapatan yang diperolehi oleh Nationwide Express adalah dari penjualan ekspres antarabangsa, perkhidmatan trak domestik, perkhidmatan pergudangan dan penghantaran barang melalui udara.

Keuntungan yang rendah adalah disebabkan oleh



kenaikan kos operasi akibat pelaburan intensif dalam tenaga kerja dan infrastruktur sebagai komitmen untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik dan melebihi kepuasan pelanggan. Satu lagi komponen kos yang besar adalah kenaikan harga minyak yang tidak hanya memberi impak kepada keuntungan kami, malahan kepada kos barang lain, terutamanya barang berasaskan minyak.

Minyak adalah satu komponen wajib untuk van dan trak kami dan dengan kenaikan harga minyak yang tinggi dua (2) tahun lalu, kami telah mengenakan 10% surcay minyak ke atas pelanggan kami untuk mengurangkan impaknya. Surcay minyak mula diperkenalkan sebanyak 5% pada Februari tahun 2005 dan kemudian naik ke 10% pada Disember tahun 2005. Walaubagaimanapun, surcay minyak yang dikenakan hanya mampu menampung sebahagian dari impak pelumpuhan terhadap jumlah perolehan Syarikat.

Dengan ketidaktentuan harga minyak mentah dunia dan peningkatan kos, pihak pengurusan terus agresif dengan mengamalkan belanjawan yang terkawal dan kekal berwaspada untuk menghindari daripada perbelanjaan yang berlebihan. Ini dibuktikan dalam penyata kira-kira yang menunjukkan bahawa kewangan Kumpulan kekal dengan pengaliran tunai yang lebih untuk membiayai program pertumbuhan Syarikat akan datang.

#### Pengurusan Risiko dan Audit Dalaman

Di Nationwide Express, pengurusan risiko dan audit dalaman memainkan peranan yang penting untuk menjaga urus tadbir korporat. Oleh kerana risiko tidak boleh dihapuskan sama sekali, objektif kami adalah untuk mengadakan cara-cara mengawal risiko yang akan mengurangkan risiko yang sedia ada ke tahap yang boleh dikawal. Kami juga sedar betapa pentingnya fungsi audit dalaman di Syarikat ini dalam mengembangkan operasi perniagaan serta prestasi Syarikat di samping memberi kepercayaan kepada pihak yang mempunyai kepentingan di dalam Syarikat ini. Maka itu, fungsi pengurusan risiko dan audit dalaman adalah saling bergantung di antara satu dengan lain di mana audit dalaman berperanan memberi nasihat yang berguna.

Pengurusan risiko dan audit dalaman di Nationwide Express telah menjadikan fungsi audit begitu berkesan dengan memfokuskan pada perkembangan yang berterusan dan mengikut kaedah yang terbaik, kepimpinan dan profesionalisme dalam audit dalaman serta memperkembangkan peranan audit dalaman dalam urus tadbir Syarikat.

#### Perhubungan Pelanggan & Imej Penjenamaan

Sebagai pembekal perkhidmatan, perhubungan pelanggan dan penjenamaan adalah penting untuk kejayaan Nationwide Express. Kami amat mementingkan perhubungan yang akrab dengan pelanggan dan telah melatih Pengurus Akaun Pelanggan dan Pegawai Perkhidmatan Pelanggan untuk menangani kehendak pelanggan. Perhubungan akrab dengan pelanggan dialu-alukan di mana pada bulan Ramadhan yang lepas kami mengadakan majlis berbuka puasa di ibu pejabat Nationwide Express dan cawangan Jalan Ampang dan seterusnya sambutan Aidilfitri.

Dalam era globalisasi dan liberalisasi, Nationwide Express telah mewujudkan jalinan kerja yang erat dan perkongsian bijak dengan rakan strategiknya. Kerjasama strategik dengan rakan antarabangsa seperti UPS, FedEx, TNT, dan TIKI memberi kami peluang ke medan antarabangsa. Kami juga diberi kepercayaan menjalankan penghantaran mereka ke seluruh tempat di Malaysia. Pada masa yang sama, perkongsian bijak kami dengan Petronas, MBE dan Kiosk Pacific memberi keselesaan kepada para pelanggan di kaunter serta memberi pengalaman kepada pelanggan kami di luar kawasan kami.

Projek haji yang telah diperkenalkan pada tahun 2003 masuk tahun ketiga operasinya tahun ini. "Reverse" logistik untuk lebihan bagasi dan barang peribadi, semasa musim haji yang lepas menunjukkan kenaikan di dalam permintaan terhadap perkhidmatan ini, walaupun jumlah jemaah yang menuaikan haji tahun lepas telah berkurangan. Tahun ini, nyata akan menjadi satu tahun yang mencabar bagi kami untuk bersaing dengan syarikat yang telah menempa nama di bumi asing. InsyaAllah, dengan berbekalkan strategi yang bijak, kami akan mengukuhkan perniagaan kami dengan bekerjasama dengan rakan kerja yang kukuh di Arab Saudi dan negara teluk yang lain.

Sejak kewujudannya, Nationwide Express telah dikenali sebagai sebuah syarikat penghantaran surat dan bungkusan di seluruh negara. Dengan perkembangan perniagaan dan teknologi, perkhidmatan Nationwide Express telah maju ke hadapan. "Pusat Perkhidmatan Setempat" adalah inovasi terkini daripada Nationwide Express. Dalam perkhidmatan ini, Nationwide Express tidak sahaja membuat penghantaran barang tempatan, malahan bertindak sebagai pusat kemudahan setempat untuk perkhidmatan kurier, agensi dan produk kewangan menjadikannya salah satu rangkaian terbesar perniagaan runcit di Malaysia.

Tambahan dengan lebih 180 stesyen dan agen yang terletak di lokasi strategik di seluruh Malaysia, pelanggan kini hanya setap saja untuk mendapatkan perkhidmatan kami. Dari kemudahan asas surat-menyerat, kemudahan insuran ke penambahan pra bayar nilai telefon, Nationwide Express memberikan SEMUA perkhidmatan di bawah SATU bumbung. Masa tidak lagi dibazirkan untuk mencari beberapa pembekal untuk produk dan perkhidmatan yang berlainan. Sejak diperkenalkan pada bulan Mac 2006, Nationwide Express sekarang menawarkan pelanggan pelbagai perkhidmatan kurier dan agensi bagi pihak ketiga, termasuklah produk dan perkhidmatan melewati skop tradisi perkhidmatan pos.



Dalam usaha kami untuk memahami keperluan pelanggan, kami mengambil ide ringkas yang membolehkan kami untuk membina perhubungan pelanggan yang lebih meluas dan baik. Berkuatkuasa 1hb. Mac 2006 Nationwide Express telah dilantik sebagai agen korporat untuk Takaful Nasional Sdn. Bhd. dan kami sekarang menawarkan kemudahan yang paling mudah dan selesa kepada awam untuk membeli dan memperbaharui insuran motor, insuran am dan insuran kemalangan peribadi.

Sistem pembayaran elektronik adalah kaedah yang terkini untuk pembayaran tol dan tambang. Di Nationwide Express, sesiapa sahaja boleh membeli dan menambah nilai kad Touch 'n Go. Melalui e-pay Sdn Bhd, kami menawarkan pembayaran mudah untuk produk kad telefon pra bayar IDD dan SDD, internet dan lain-lain. Dengan terminalnya yang kecil, padat dan senang digunakan, e-pay menawarkan perkhidmatan tambah nilai untuk pembekal telefon secara elektronik dalam sekilip mata tanpa risiko dan masalah menyimpan stok.

Baru-baru ini kami juga telah dilantik sebagai agen korporat Pos Malaysia Berhad untuk membekalkan setem dan barang filateli. Kami masih dalam perbincangan untuk membekalkan produk yang lain.

Dengan mempunyai lebih daripada 180 stesyen dan agen yang terletak di lokasi strategik di seluruh negara, kami merancang usaha yang berterusan untuk memberi pengalaman yang berharga di stesyen dan agen kami untuk memastikan kepuasan pelangan yang berulang. Konsep Pusat Perkhidmatan Setempat yang baru ini memberi pengalaman dan kemudahan kepada pelanggan kami.

#### **Proses Dalaman & Operasi**

Sebagai tulang belakang Syarikat, kecemerlangan operasi proses dalaman dan operasi kami adalah WAJIB. Dalam tahun yang sedang diulas, fokus telah diberikan untuk keselimbangan "routes", bagi memastikan produktiviti kurier pada tahap yang maksimum.

Langkah ke hadapan telah disaksikan menerusi perpindahan Pejabat Korporat Nationwide Express pada tahun yang lalu meninggalkan Lot 6 & 7, Jalan Utas untuk perkembangan operasi di masa hadapan di mana pusat operasi merangkap hab yang lebih pragmatik dan proaktif akan dilaksanakan. Persekutaran pusat operasi juga akan diubahsuai untuk menyediakan persekitaran yang lebih mesra pengguna disamping memberi pengalaman yang memuaskan kepada pelanggan.

Selaras dengan pengurusan kos, perkembangan operasi adalah berdasarkan kehendak bekalan untuk memastikan semua kenderaan kami yang penuh dengan muatan pelanggan diberi

kemudahan dan perkhidmatan pabila sampai. Dengan itu, kami berharap diakreditasikan ISO 9001:2000 pada September 2006, insyaAllah.

Kami sentiasa mencari produk-produk baru untuk memastikan kemudahan dan keselesaan pelanggan kami melalui proses pembaikan inisiatif yang berterusan. Produk yang mempunyai ciri-ciri keselamatan dan produk yang baru dilancarkan seperti kotak prabayar 5 kg dan 10 kg membuktikan bahawa ianya adalah pembelian yang bijak.

#### **Teknologi Dan Inovasi**

Untuk tahun yang sedang diulas, Syarikat mengekalkan kepercayaan kepada teknologi komunikasi dan maklumat sebagai kunci utama untuk menyokong proses perniagaan. Dengan menggunakan aplikasi yang berdasarkan kepada permintaan dan perkakasan yang relevan ICT memainkan peranan yang penting dalam melindungi pasaran dominan Nationwide Express serta meningkatkan efisiensi operasinya dan dalam masa yang sama mengurangkan kos operasinya.

Voice Over Internet Protokol (VOIP) yang diimplementasi baru-baru ini akan mengurangkan caj telefon di Nationwide Express. Kewujudan perkhidmatan jalur lebar TMnet Streamyx di stesyen-stesyen Nationwide Express memudahkan akses kepada laman web Syarikat dan komunikasi secara e-mel sepanjang masa dan VOIP. Perkembangan yang positif membolehkan Syarikat mengadakan maklumat terkini kepada pelanggan berhubung dengan status penghantaran dan isu yang berkaitan dengan perkhidmatan.

Pada bulan Ogos 2005, Nationwide Express telah melancarkan kemudahan "internet shipping". Nationwide Express "internet shipping" (NEIS) adalah merupakan satu aplikasi yang berasaskan web yang membolehkan pelanggan membuat dan mencetak nota konsainmen menggunakan pelekat atau kertas bersaiz A4. Semua ini dapat dilakukan di rumah atau di pejabat pelanggan.

NEIS memberikan kemudahan yang membolehkan pelanggan menguruskan buku alamat, membuat, menguruskan serta menjelak kesan penghantaran mereka.

Nationwide Express akan sentiasa melabur dalam bidang teknologi yang akan mendekatkan Syarikat dengan pelanggan, dan menonjolkan jenama sebagai ikon industri yang ulung.

#### **ULASAN SUBSIDIARI NATIONWIDE EXPRESS FREIGHT FORWARDERS SDN BHD (NEFF)**

Nationwide Express Freight Forwarders Sdn Bhd (NEFF) merupakan pelengkap kepada syarikat induknya, Nationwide Express Courier Services Berhad (NECSB) untuk merangkumi rantaian pembekal logistik dengan membekalkan pengangkutan melalui trak dan pergudangan kepada pelanggan.

Untuk tahun kewangan 2005/2006, NEFF telah menyaksikan pertumbuhan yang pesat di dalam kesemuanya aktivitinya menjadikan jumlah sumbangannya kepada Nationwide Express sebanyak 6% daripada jumlah perolehan Kumpulan.

perkhidmatan kurier yang tepat, efisyen dan boleh dipercayai serta memastikan kepuasan pelanggan. Dalam jangkamasa dua puluh (20) tahun, NECPL telah membina tenaga kerjanya seramai dua puluh lapan (28) orang.

Semakin NECPL bertambah maju dan mengekalkan keupayaannya untuk kekal kompetitif dengan syarikat kurier antarabangsa dan tempatan yang lain, mempunyai infrastruktur logistik dan budaya yang baik menjadi satu kemestian untuk menarik perniagaan baru dan syarikat perkhidmatan ke dalam negara.

#### **TANGGUNGJAWAB KORPORAT DAN KOMITMEN KAMI KEPADA WARGA KERJA KAMI**

Tenaga kerja merupakan aset Nationwide Express yang paling berharga. Tidak dapat disangkal lagi, warga kerja kami adalah kekuatan dan tunggak untuk kami berjaya. Kami percaya dengan memberikan pekerja kami latihan dan persekitaran kerja yang baik, akan meningkatkan prestasi mereka. Kami bertanggungjawab untuk memastikan bahawa tenaga kerja kami dilengkapi dengan pengetahuan, skil dan sikap yang diperlukan untuk prestasi penghantaran yang optimum.



#### **NATIONWIDE EXPRESS METRO SDN BHD (NEM)**

Perkhidmatan bilik persuratan dan logistik mengikut kehendak pelanggan diselenggarakan oleh NEM, iaitu subsidiari NECSB, iaitu ianya juga boleh mengendalikan permintaan khas daripada pelanggan. Terkini NEM membekalkan perkhidmatan kepada industri seperti telekomunikasi, syarikat IT dan dijangka untuk menembusi industri yang lain. Untuk tahun yang diulas, NEM menyumbangkan kira-kira 4% kepada jumlah perolehan Kumpulan.

#### **NATIONWIDE EXPRESS COURIER PTE LTD (NECPL)**

Semenjak ditubuhkan dalam tahun 1987 di Singapura, penghususan NECPL dalam perkhidmatan penghantaran cepat dari pintu ke pintu untuk dokumen dan bungkus dari Malaysia ke Singapura dan sebaliknya dan perkhidmatan sama hari domestik Singapura disamping menyediakan pelanggan kami dengan khidmat penghantaran lori dari Singapura ke Malaysia dan perkhidmatan antarabangsa.

NECPL telah ditubuhkan untuk fokus kepada menyediakan

Kami mengenalpasti dan memberi perangsang kepada kehendak warga kerja kami untuk memperbaiki diri, semua latihan warga kerja adalah berdasarkan kehendak perniagaan yang telah dikenalpasti dengan jelas dan objektif yang nyata. Kesemuanya ini kemudian akan dibandingkan dengan prestasi yang diuruskan dalam cara yang membantu untuk mencapai matlamat organisasi. Dalam tahun 2005/2006, kami telah melabur sebahagian besar bajet syarikat untuk latihan warga kerja. Disamping menyediakan peluang yang secukupnya untuk warga kerja kami untuk merapatkan sebarang jurang kompetensi teknikal, kami juga turut merapatkan semangat berkumpulan yang kuat dan interaksi yang lebih elok di semua peringkat.

Kami percaya dengan kemampuan warga kerja kami. Di Nationwide Express, kami percaya inovasi bermula daripada orang dan perwatakan yang betul. Dengan gabungan individu yang berkongsi satu matlamat, kami berjaya untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang konsisten dan efektif dari perancangan sehingga ke pengeluaran.

Nationwide Express menyediakan tenaga kerja yang berdedikasi berdasarkan kebolehpercayaan dan ke arah kecemerlangan untuk menyediakan perkhidmatan yang efisyen dan cekap. Sebagai organisasi pembelajaran, kami

menumpukan sumber manusia dan teknologi untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang unggul demi menggembirakan dan melebihi harapan pelanggan. Nationwide Express menjalankan latihan dalaman dan luaran di bilik latihan yang disediakan berdasarkan kalendar latihan tahunan. Nationwide Express juga merangka pelan karier warga kerjanya di mana ianya terbukti sebilangan pengurus telah berjaya dari peringkat bawah.

Di dalam organisasi yang mempunyai lebih daripada 1,500 tenaga kerja, pengurusan sumber manusia memainkan peranan yang penting untuk menentukan kejayaan Syarikat kerana ianya akan membantu dalam mengurangkan keluar masuknya warga kerja - pekerja yang cemerlang akan menyertai Nationwide Express untuk kekal; untuk mengekalkan pencapaian yang baik untuk membolehkan pembinaan kepakaran pelbagai bidang; untuk memotivasi pekerja supaya menjalankan tugas dengan baik melalui asas yang kukuh bagi memastikan daya saing secara global dan seterusnya memberi komitmen dan kuasa untuk memastikan persaingan yang sihat.

Komitmen Nationwide Express terhadap kecemerlangan telah dibantu dengan pelbagai konsep kualiti dan

memandangkan kempen derma darah diadakan setiap enam (6) bulan. Selain daripada itu, KSKN juga menyediakan tabungan bencana untuk menolong warga kerja yang ditimpa musibah.

### **KESELAMATAN DAN KESIHATAN**

Keselamatan dan kesihatan pelanggan adalah keutamaan kami. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan diwujudkan di Nationwide Express dengan objektif untuk mengadakan persekitaran perniagaan yang selamat untuk pelanggan dan pekerja.

Sejajar dengan objektif keselamatan, pelbagai pendekatan telah diadakan dan dipantau secara berterusan untuk memastikan keselamatan harta Syarikat, pekerja dan pelanggan dilindungi. Tahun kewangan 2005/2006, menyaksikan perkembangan keselamatan di ibu pejabat dan wilayah. Keselamatan bukan sahaja merujuk kepada premis Nationwide Express tetapi juga penghantaran yang selamat terutamanya penghantaran berharga daripada tempat pungutan hingga ke destinasi.

Kerjasama diantara pelanggan dan pihak berkaitan telah mengurangkan kes kehilangan dan kecurian barang pelanggan. Kes-kes seperti ini telah menunjukkan



pendekatan seperti balance score card, benchmarking, kaedah terbaik, dan sistem pengurusan prestasi dan sebagainya.

Pihak Pengurusan memfokuskan bagaimana Nationwide Express boleh memotivasi dan memajukan pekerjanya untuk menggunakan potensi mereka sepenuhnya sejajar dengan visi dan misi Syarikat. Pihak Pengurusan juga memfokuskan terhadap persekitaran kerja yang sesuai untuk memberi persekitaran yang baik kepada pekerja demi pertumbuhan Syarikat dan prestasi mereka. Untuk itu, pihak Pengurusan menyediakan pelbagai kemudahan di pejabat korporat dan di semua stesyen seperti surau, pusat sumber dan bilik latihan, kantin, bilik rehat untuk kurier dan padang bola sepak.

### **KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN NATIONWIDE**

Kelab Sukan dan Kebajikan Nationwide (KSKN) yang ditubuhkan beberapa tahun yang lalu bergerak aktif di bawah kelolaan warga kerja dengan dibantu oleh pihak Pengurusan. Setiap tahun KSKN mengadakan perlawanan sukan antara stesyen. Melalui KSKN juga Bank Darah Kebangsaan telah mengenalpasti Nationwide Express salah satu penyumbang darah yang terbesar

pengurangan yang besar kira-kira 20%. Kami akan menangani isu ini dengan lebih ketara di tahun 2006/2007 dan seterusnya. Pada masa yang sama, kerjasama seperti ini juga membantu melumpuhkan pengedaran vcd cetak rompak, ubat-ubatan yang dikawal, najis dadah dan sebagainya.

Segala usaha telah diadakan untuk memastikan keselamatan tempat kerja pada tahun kewangan 2005/2006 dan usaha ini akan berterusan dengan beberapa program yang akan diadakan untuk memberi kesedaran terhadap keselamatan kepada warga kerja Nationwide Express yang seramai 1,540 orang.

Untuk itu, polisi keselamatan dan kesihatan telah dirangka di Nationwide Express untuk membentuk kumpulan yang proaktif untuk mewakili pihak Pengurusan dan pekerja Syarikat.

### **Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP)**

Berlandaskan Akta JKKP 1974, pihak Syarikat telah membentuk JKKP pada tahun 2004 untuk memantau keselamatan dan kesihatan pekerja Syarikat.

**KENYATAAN POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN**

DI NATIONWIDE EXPRESS, KEJAYAAN KAMI BERGANTUNG KEPADA ASET KAMI YANG PALING BERHARGA – KAKITANGAN KAMI. KAMI MEMPUNYAI KOMITMEN YANG SEPENUHNYA DALAM MEMASTIKAN KESELAMATAN TEMPAT KERJA DAN KESIHATAN PEKERJA KAMI.

DALAM MENEGAKKAN STANDARD KESELAMATAN DAN PERSEKITARAN YANG MENYELURUH, NATIONWIDE EXPRESS MEMBERI PERKHIDMATAN YANG UNGGUL KEPADA PELANGGAN YANG KAMI HARGAI DENGAN MENGENDALIKAN KESEMUA PENGHANTARAN DENGAN CERMAT. PENINGKATAN DALAM KESIHATAN, KESELAMATAN DAN KUALITI ADALAH SAMA DENGAN PENINGKATAN DALAM PRODUKTIVITI DAN KEUNTUNGAN.



Jawatankuasa ini terdiri dari dua (2) ahli Lembaga Pengarah yang mana salah seorang adalah pengamal perubatan yang bertauliah, pihak pengurusan dan pekerja, dan juga seorang pegawai keselamatan dan kesihatan yang bertauliah.

Sejajar dengan polisi keselamatan dan kesihatan, ini terbukti dengan cara kami membentuk dan melaksanakan operasi kami melalui operasi prosedur standard program dan cara kerja.

**KOMUNITI DAN PERSEKITARAN**

Kami tahu bahawa kami memainkan peranan yang penting dalam komuniti. Secara semulajadi, perniagaan kami memerlukan kami untuk mempunyai tanggungjawab ke atas komuniti sekitar Malaysia, Singapura dan Brunei. Polisi alam sekitar kami sedang dilaksanakan dengan menyeluruh di dalam operasi Kumpulan. Polisi yang menurut segala keperluan undang-undang dan memasukkan perancangan industri yang baik. Kunci usaha kami adalah untuk mempromosikan dan menggunakan produk lupus secara biologi, pengurangan sisa buangan dan penggunaan utiliti secara efisyen.

Penggunaan minyak disel yang banyak tidak dapat dielakkan kerana kenderaan kami menggunakan lebih seratus ribu (100,000) liter di sepanjang tahun ini. Oleh kerana itu, kami sedang aktif mencari kaedah yang berlainan untuk merendahkan kadar penggunaan minyak. Pada masa yang sama kami juga aktif mencari penyelesaian bahaya sisa buangan yang didedahkan kepada alam sekitar. Dengan produk biodiesel yang terbaru yang berasaskan minyak kelapa sawit, sebahagian kenderaan kami akan mencuba minyak alternatif ini.

Nationwide Express secara keseluruhan bertujuan untuk melupuskan segala sisa buangan menggunakan kaedah yang mesra alam. Sisa buangan akan diasinkan di punca asalnya dan akan disimpan sehingga mendapat kaedah pembuangan sisa yang sesuai dari kontraktor pakar yang relevan seperti minyak enapan dari bengkel penyelenggaraan kami. Satu lagi program kitar semula sisa buangan kertas di mana kami bekerjasama dengan sebuah organisasi yang lebih dikenali sebagai TREES atau Treat Every Environment Special. Program ini telah berjalan secara berterusan sejak tahun 2002. Moto kami, "Kitar Semula-Lakukan Saja!".

**PANDANGAN TERHADAP INDUSTRI DAN CABARAN MASA HADAPAN**

Dengan tidak mengambil kira sistem rel negara kita, infrastruktur pengangkutan Malaysia boleh dikatakan moden, berkemampuan walaupun terhad dan berpotensi untuk diperkembangkan kapasitinya. Lebuhraya utamanya sekarang menyambungkan hampir seluruh Semenanjung Malaysia, malah Sabah dan Sarawak juga sedang membangun. Cabaran sebenar melanda syarikat pengangkutan seperti kami adalah untuk mengeksplorasi infrastruktur yang ada dan untuk merealisasikan aspirasi negara menjadi pusat pengangkutan yang terulung di wilayahnya.

Sebagai sebuah syarikat kurier berlesen di bawah naungan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), kami harus bersaing dengan lebih seratus (100) syarikat kurier berlesen yang lain. Selain daripada itu, syarikat pengangkutan dan pengangkutan darat turut serta ingin mencebur industri kurier ini. Walaubagaimanapun kami telah membuat penyediaan di beberapa tahun yang lepas dengan mengembangkan sayap kami dalam sektor logistik yang lain seperti pengangkutan darat, udara dan laut, sektor perdugandan sebagainya. Kami juga mampu bersaing sebagai syarikat yang menawarkan perkhidmatan logistik yang menyeluruh dengan kerjasama rakan niaga dan infrastruktur yang kami miliki.

Globalisasi dan liberalisasi yang tidak dapat dielakkan di industri pengangkutan dan logistik, akan turut menyediakan cabaran dan peluang bagi kami untuk merealisasikan impian kami untuk berkembang di pasaran wilayah yang lain. Kami akan menyahut cabaran ini dan menghadapinya dengan tabah.

**Rozilawati Haji Basir**  
Ketua Pegawai Eksekutif



**NATIONWIDE  
EXPRESS  
BOLEH!**